

**Jangan Sabotaj Bagi Pastikan BN Menang Cemerlang, Kata Najib Bernama
28 April, 2013**

RAWANG, 28 April (Bernama) -- Ketika kempen pilihan raya masuk minggu kedua, Datuk Seri Najib Tun Razak mengingatkan jentera Barisan Nasional (BN) supaya masalah dalaman parti seperti sabotaj mesti dibendung bagi memastikan BN mencapai kemenangan cemerlang pada pilihan raya umum ke-13.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN berkata beliau melihat momentum rakyat kepada BN adalah baik dan kedudukan parti itu semakin meningkat termasuk berjaya memulihkan sokongan rakyat kepada BN di banyak tempat.

"Cuma saya ingatkan masalah dalaman mesti kita bendung, jika tidak, ia boleh menggugat pencapaian kita.

"Saya dah kata bahawa kemenangan dua pertiga itu masih boleh dicapai dengan syarat tidak ada unsur dalaman yang boleh merosakkan pencapaian kita.

"(Masalah dalaman) Maknanya sabotaj atau mereka tidak bekerja dan sebagainya. Jika kita bersatu hati dan bekerja bersungguh-sungguh, tidak ada sebab BN tidak boleh menang dengan cemerlang kali ini," katanya kepada pemberita selepas berjumpa warga Kampung Baru Sungai Terentang di sini hari ini.

Najib berkata beliau melihat sokongan rakyat di Semenanjung iaitu di sesetengah tempat adalah baik manakala di sesetengah tempat lain pula BN perlu berusaha lagi untuk meraih sokongan rakyat.

"Setengah tempat yang kita tak fikir kita boleh buat kemaraan, kita dapat (sokongan), setengah tempat, masih memerlukan usaha berterusan.

"Jadi, masih ada masa seminggu lagi dan kita akan 'step up' usaha kita dan 'engagement' dan menyelesaikan beberapa perkara yang mungkin berkisar kepada isu-isu tempatan," katanya.

Di negeri-negeri yang ditadbir pembangkang pula, perdana menteri berkata beliau melihat gelombang biru kecuali di Kelantan adalah gelombang merah, merupakan satu fenomena yang kuat bagi BN mencapai kejayaan dan mengembalikan negeri-negeri itu ke tangan BN.

"Walaupun kita tahu bukan mudah untuk menukar kerajaan di peringkat negeri, tetapi jentera kita bersemangat dan kita akan lakukan usaha yang terbaik untuk mencapai objektif itu," katanya.

Ditanya penyertaan beliau ke Johor bersama timbalannya Tan Sri Muhyiddin Yassin esok, Najib berkata: "Kita tahu Johor ini jadi 'battlefield' sebab pemimpin DAP telah memilih Johor tetapi kita tidak beri tumpuan kepada Johor sahaja."

Kata Najib beliau akan pergi ke semua negeri dan BN tidak memberi tumpuan kepada Johor sahaja sebab dasar BN ialah untuk mencapai kemenangan secara menyeluruh.

Mengulas mengenai fasa kedua kempen PRU13, beliau berkata jentera BN mesti meningkatkan usaha bagi memastikan BN mencapai kemenangan besar pada pilihan raya umum ini.

"Sebab itu, saya sebagai Pengerusi BN, saya sendiri menunjukkan contoh di mana tidak ada satu ketika pun saya tidak melakukan program seperti hari ini, dari pagi sampai malam.

"Saya nak tunjukkan bahawa kita serius dan kita mesti buat apa sahaja yang terdaya untuk mencapai kemenangan besar," katanya.

Ditanya tidakkah beliau penat, Najib berkata: "Saya masih bersemangat. Semangat masih berkobar-kobar."

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=945824>